

27/05/2003

Bonus minggu depan (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Bonus setengah bulan gaji untuk kira-kira 950,000 kakitangan

awam seperti diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, dibayar pada 1 atau 2 Jun ini.

Difahamkan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses mengeluarkan surat pekeliling mengenai tarikh pembayaran bonus itu, manakala Perbendaharaan pula sudah meluluskan pengeluaran peruntukan bagi tujuan itu.

Sumber memberitahu Berita Harian semalam, kira-kira RM500 juta diperuntukkan untuk pembayaran bonus itu.

Pemberian bonus setengah bulan gaji diumumkan Perdana Menteri ketika membentangkan Pakej Strategi Baru pada 21 Mei lalu, sebagai usaha meningkatkan keupayaan membeli, sekali gus menjana kegiatan perniagaan dan ekonomi negara.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, ketika dihubungi mengesahkan bonus itu akan dibayar pada Isnin, 2 Jun ini.

"Saya baru menghubungi Jabatan Akauntan Negara dan diberitahu semua kakitangan awam termasuk polis dan tentera akan menerima bonus setengah bulan gaji itu lebih awal, iaitu pada 2 Jun.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan kerana membuat pembayaran begitu cepat sekali walaupun sebelum ini kami dimaklumkan bayarannya hanya akan dibuat untuk gaji bulan Jun dan diterima pada akhir bulan," katanya.

Beliau menasihatkan kakitangan awam membelanjakan wang itu dalam negeri sejajar dengan matlamat pemberian bonus iaitu bagi membantu merangsang ekonomi negara.

Katanya, kakitangan awam perlu mengambil kesempatan berbuat demikian dengan melancong dalam negara kerana tarikh pemberian bonus itu juga ketika cuti sekolah.

"Kita bantulah industri pelancongan dalam negeri terutama hotel yang terjejas teruk oleh kes SARS (Sindrom Penafasan Yang Teruk), dengan menginap di hotel sambil melancong. Saya yakin kakitangan awam akan membelanja wang itu," katanya.

Siva berkata, kerajaan juga dijangka mengeluarkan surat pekeliling kepada semua pusat pembayaran Sabtu ini, bagi membolehkan kakitangan awam menerima bonus itu lebih awal.

Ketika pembentangan Bajet 2003 tahun lalu, kerajaan memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada kakitangan awam dan dibayar dua peringkat pada Oktober dan Disember lalu.